

13 AUG 1997

PARTI GERAKAN LANCAR KEMPEN UNTUK MANGSA KEBULURAN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Parti Gerakan telah melancarkan kempen kutipan derma bagi membantu mangsa kebuluran di Korea Utara, kata setiausaha agung parti Tan Sri Chan Choong Tak hari ini.

Beliau berkata dalam satu kenyataan, parti itu akan menyerahkan cek RM100,000 untuk tujuan berkenaan kepada Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) pada persidangan perwakilan tahunan ke-26 parti itu Sabtu ini.

Chan berkata parti Gerakan membuat keputusan untuk melancarkan kutipan derma selepas satu delegasi yang diketuainya melawat Korea Utara tahun ini.

Sekembalinya dari lawatan, beliau menghantar surat kepada Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat meminta supaya semua parti komponen BN memberi sumbangan secara saksama.

Chan berkata beliau gembira apabila parti-parti komponen BN bersetuju terhadap permintaan itu dengan setiap parti komponen berjanji untuk menyumbang sekurang-kurangnya RM10,000. -- BERNAMA

NM NMZ MHI FAZ